



Penulis buku **Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia (Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah)** pada permulaannya membincangkan mengenai pendidikan alam sekitar yang terbahagi kepada dua iaitu Pendidikan secara formal dan bukan formal. Walau bagaimanapun, penulis merasakan bahawa pendidikan formal dan tidak formal ini masih tidak mampu membentuk masyarakat Malaysia yang beretika kerana bagi pendidikan formal ianya hanya diajar bersama dengan mata Pelajaran lain seperti Sains, Geografi dan sebagainya menyebabkan pelajar gagal memahami akan tujuan pendidikan tersebut untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan lebih memfokuskan kepada matapelajaran

utama yang lain untuk peperiksaan. Manakala, bagi pendidikan tidak formal pula seperti kempen yang dilakukan hanya berkesan semasa program itu sahaja dan selepas daripada program tersebut, amalan penjagaan alam sekitar tidak dipraktikkan lagi. Oleh itu, untuk membentuk masyarakat Malaysia yang beretika sebenarnya adalah bermula daripada rumah kerana peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak agar menjaga kebersihan persekitaran rumah mereka adalah lebih berkesan. Titik tolak kepada pendidikan alam sekitar adalah manusia yang perlu memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

Proses urbanisasi telah membawa kepada pencemaran udara (sumber bergerak iaitu daripada kenderaan bermotor dan sumber tetap daripada pembakaran bahan api), pencemaran air (pembangunan tanah untuk pembangunan infrastruktur awam dan daripada pertambahan industri seperti industri berasaskan pertanian dan pemprosesan makanan), pencemaran bunyi (kenderaan bermotor, pembinaan infrastruktur dan kebisingan komuniti) dan pencemaran sampah sarap (sisa pepejal seperti sisa domestik, plastik dan sebagainya).

Kepentingan dan kepenggunaan prinsip asas ekologi menjamin kestabilan ekosistem akibat daripada interaksi yang kompleks daripada komuniti manusia, pelbagai jenis haiwan, organisma dan tumbuhan. Oleh itu, untuk mengatasi perkara ini, amalan perhutanan bandar perlu diterapkan agar kehijauan terpelihara dan rakyat hidup dengan selesa. Manusia boleh hidup selama lima minggu tanpa makanan, lima hari tanpa air namun lima minit tanpa udara manusia tidak akan mampu bertahan dan boleh membawa maut. Punca pencemaran udara yang berlaku turut disumbangkan oleh keadaan sekeliling seperti Kawasan perkilangan, perumahan dan kenderaan bermotor. Pencemaran udara turut disumbangkan oleh stesen janakuasa elektrik sebagai penyumbang kedua selepas kenderaan bermotor.

Kesimpulannya, manusia perlu bertanggungjawab terhadap pencemaran yang dilakukan oleh mereka sendiri kerana tidak akan wujud satu alam sekitar yang baharu sekiranya yang terdapat kini terus dimusnahkan. Untuk mengatasi kesemua masalah ini, pengurusan yang sesuai perlu dilaksanakan iaitu melalui kawalan cara perundangan, kawalan bukan perundangan dan juga kawalan secara instrumen ekonomi. Penulis menyatakan isu persekitaran peringkat serantau yang berlaku adalah antaranya tumpahan minyak akibat daripada pelanggaran kapal dagangan dan kapal tangki minyak menyebabkan tangkapan nelayan berkurangan dan industri pelancongan berasaskan air terjejas kerana pantai dan pulau dicemari bahan berminyak. Isu kedua adalah jerebu yang berpunca terutamanya daripada kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan Indonesia yang memberi impak kepada Malaysia, Singapura dan Brunei. Isu ketiga adalah isu persekitaran peringkat nasional akibat daripada pembangunan yang membawa kepada pelbagai jenis pencemaran seperti pencemaran air, bunyi, udara, sisa pepejal dan sisa toksik. Bagi mendidik masyarakat agar memelihara alam sekitar, pendidikan alam sekitar merentasi kurikulum telah dilakukan terutamanya di sekolah bagi memberi kefahaman asas mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Selain daripada pendidikan, etika alam sekitar dan pegangan agama yang kukuh turut menyumbang kepada keperluan memelihara alam sekitar kerana setiap makhluk yang bergelar insan perlu menunaikan tanggungjawabnya menjaga alam sekitar.

Di akhir kalam penulis menyatakan konsep ilmu madani dapat merangsang dan menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar bersama dan dapat dirangkumkan melalui ungkapan “Masyarakat Madani Masyarakat Alam Sekitar”.

Mohd Fitri bin Mohd Mokhtar
JAS Negeri Pulau Pinang
Email: fitri@doe.gov.my